



أونيونرسiti مليسيا فجع السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

PERATURAN PERMAINAN TENPIN BOLING

1. NAMA

Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Tenpin Boling Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SUKFAC).

2. PERATURAN

Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, maka pertandingan ini akan dijalankan mengikut **Peraturan Pertandingan Kongres Tenpin Boling Malaysia (MTBC)** dan Peraturan AM **Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SUKFAC)** yang dikuatkuasa sepanjang kejohanan sukan ini.

Sekiranya timbul perselisihan dari segi pentafsirannya, undang-undang dalam **Bahasa Inggeris** akan dipatuhi.

3. JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan antara pasukan-pasukan yang mewakili **Fakulti** dibawah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

4. UNDANG UNDANG PERMAINAN

4.1 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada :

- 4.1.1 4 orang pemain Lelaki
- 4.1.2 4 orang pemain wanita

4.2 Pendaftaran pemain hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan pertama dimulakan.

4.3 Hanya pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.

- 4.4** Pertukaran pemain adalah tidak dibenarkan sebaik sahaja pemain berkenaan memulakan permainan

5. FORMAT PERTANDINGAN

- 5.1** Pertandingan akan dijalankan secara berpasukan dan terbahagi kepada dua (2) kategori ;
- 5.1.1** Perseorangan
5.1.2 Berpasukan

6. SISTEM PERTANDINGAN

- 6.1** Setiap peserta akan bermain sebanyak 3 permainan (games)
- 6.2** Bagi kategori perseorangan, pungutan mata tertinggi dari pasukan diambil kira untuk kategori perseorangan.
- 6.3** Bagi kategori berpasukan, kutipan mata keseluruhan ahli pasukan diambil kira bagi menentukan pemenang.

7. PAKAIAN

- 7.1** Semua peserta hendaklah memakai baju T yang kemas dan berseluar panjang (Long Slack atau Khakis)
- 7.2** Bagi acara berpasukan, pemakaian baju pemain hendaklah sama dari segi warna dan corak.

8. KELEWATAN

- 8.1 Semua peserta dikehendaki melaporkan diri selewat-lewatnya **15 minit** sebelum sesuatu acara dimulakan. Peserta yang lewat akan hilang kelayakan dalam sesuatu acara itu dan peraturan ini berkuatkuasa dalam semua acara.

9. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

- 9.1 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan SUKFAC dan keputusan adalah **MUTAMAD**.